

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH  
(LIMBANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 14.11.2016**

**Y.B. TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH [ LIMBANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah penyebab penyusutan nilai Ringgit Malaysia dan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menaikkan nilai Ringgit Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada amnya, sebagai sebuah negara yang terbuka dan terdedah kepada ekonomi dunia, Malaysia turut terjejas berikutan ketidaktentuan ekonomi global termasuk kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia. Nilai mata wang ringgit telah menyusut sebanyak 18.6% pada tahun 2015. Penyusutan ini bukanlah suatu kes terpencil

dan ianya didorong oleh faktor dalaman dan luar negeri seperti yang turut dialami oleh mata wang serantau. Hakikatnya, 123 daripada 149 mata wang dunia yang lain turut mengalami penyusutan nilai berbanding dolar AS disebabkan oleh pengukuhan dolar AS. Seperti mana-mana sistem kadar pertukaran, volatiliti mata wang, termasuk ringgit adalah sesuatu yang mungkin berlaku, terutamanya dalam persekitaran global yang tidak menentu.

Namun begitu, trend penyusutan ini telah beralih arah pada tahun 2016. Sehingga 11 November 2016, ringgit menambah nilai sebanyak 0.3% berbanding dolar AS.

Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk mengukuhkan nilai ringgit. Ketidaktentuan yang berlarutan dalam persekitaran ekonomi global memberi kesan kepada kadar pertukaran mata wang. Dalam menangani volatiliti nilai ringgit dalam jangka masa pendek, Bank Negara Malaysia (BNM) menjalankan intervensi dua hala dalam pasaran pertukaran asing untuk mengawal tekanan aliran modal. Usaha-usaha juga dilaksanakan bagi membangun dan memperdalam pasaran pertukaran asing dalam negeri dari segi saiz dan instrumen bagi membolehkan industri dan peniaga tempatan mengurus risiko terhadap volatiliti mata wang. Dalam jangka masa panjang pula, nilai

ringgit didorong oleh kekuatan asas ekonomi negara. Dalam hal ini, usaha untuk mentransformasikan ekonomi termasuk mempelbagaikan sumber pertumbuhan, pembaharuan fiskal dan langkah untuk memastikan sistem kewangan yang kukuh dan stabil akan dapat memberi sokongan ke arah pengukuhan nilai ringgit.

Tuan Yang di-Pertua,

Walaupun usaha-usaha Kerajaan dalam mengukuhkan nilai ringgit telah membuahkan hasil, namun adalah penting untuk diketahui bahawa sebagai sebuah ekonomi terbuka, negara kita terdedah kepada ketidaktentuan ekonomi global, termasuklah ketidakpastian dasar monetari ekonomi maju dan tren harga minyak mentah global. Perkara ini menyebabkan sentimen pelabur boleh beralih arah di masa hadapan dan akan menyebabkan volatiliti dalam kadar pertukaran ringgit. Sungguhpun demikian, kesan ini dijangka memberi impak yang tidak ketara kepada negara kita memandangkan struktur ekonomi yang kini lebih pelbagai serta disokong oleh asas ekonomi yang meluas, kekukuhan daya tahan dan peningkatan daya saing.

Sehubungan itu, dalam jangka masa panjang, prestasi nilai ringgit

didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara yang terus mapan. Justeru, Kerajaan sentiasa mengambil langkah pengurusan makroekonomi yang pragmatik bagi mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi negara. Dalam hal ini, usaha untuk mentransformasikan ekonomi termasuk mempelbagaikan sumber pertumbuhan, pembaharuan fiskal dan langkah untuk memastikan sistem kewangan yang kukuh dan stabil akan memberi sokongan ke arah pengukuhan nilai ringgit.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh  
[ Sandakan ]**

**TARIKH : 14 November 2016 (Isnin)**

**SOALAN : 12**

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada kerajaan Malaysia sedar bahawa kemudahan-kemudahan teknologi seperti radar masih berkurangan kerana memandangkan AIS yang kini dipasang di kapal-kapal negara kita yang tidak mencukupi bagi menjamin keberkesanan pertahanan di ESSCOM.

**JAWAPAN : YB DATO` SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Pada masa kini, kelengkapan radar adalah mencukupi. Bagaimanapun, ESSCOM menghadapi masalah kerjasama daripada pengusaha nelayan laut dan bot tunda yang beroperasi di ESS Zone yang tidak mengambil serius mengenai arahan dan amaran daripada pihak penguatkuasa untuk memasang Sistem Pengesanan Automatik (AIS). Keengganan pihak nelayan laut dan pengusaha bot tunda untuk mematuhi arahan ini menyukarkan pihak keselamatan untuk mengesan kedudukan mereka dan memberi pertolongan segera sekiranya berlaku sebarang masalah di laut.

Pesuruhjaya Polis Sabah bersama ESSCOM telah mengadakan perjumpaan dan pertemuan dengan nelayan dan pengusaha bot tunda di Tawau dan Sandakan pada Julai 2016 memaklumkan keperluan pemasangan AIS pada bot masing-masing agar ESSCOM mudah memantau lokasi mereka.

ESSCOM hanya bertanggungjawab untuk memberi kesedaran tentang kepentingan pemasangan Sistem Pengesanan Automatik ke atas bot-bot serta kapal-kapal kepada nelayan dan pengusaha bot tunda.

Sekian, terima kasih.